

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

SOALAN NO. 494

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana keberkesanan usaha yang dilaksanakan untuk menyeragamkan harga barangan keperluan pengguna di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPDNHEP telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak dari tahun 2009 sehingga kini. Menerusi program ini, Kementerian membiayai kos pengangkutan **tujuh (7) barangan** iaitu **beras, gula, minyak masak paket 1kg, tepung gandum kegunaan am, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95** dan **diesel** dari pembekal di kawasan tersebut ke kawasan pedalaman.

Program ini menyasarkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman yang perlu membeli barang keperluan asas pada harga yang lebih tinggi. Faktor geografi kawasan terlibat menyebabkan barang keperluan tidak dapat dijual pada harga yang sama seperti di bandar kerana kos pengangkutan untuk menghantar barang ke kawasan tersebut adalah tinggi dan memerlukan mod pengangkutan yang pelbagai.

Selepas Program ini dilaksanakan, jurang harga antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dihapuskan dan membolehkan penduduk mendapatkan barangan tersebut pada harga kawalan yang seragam di seluruh negara. Di samping itu, masyarakat luar bandar yang terlibat bukan sahaja boleh membeli barang keperluan pada harga yang dikawal, malah dapat membendung keadaan terputus bekalan.

Sekian, terima kasih.